



Rujukan Kami : GABEM-SG/14/5/12-16 (23)
Tarikh : 29 Mac 2011

(Senarai edaran seperti dilampirkan)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/ Tuan/Puan

JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM PENERANGAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN (4P)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa GABEM akan menganjurkan Program Penerangan Pembiayaan Perniagaan (4P). Program ini bertujuan menyediakan platform kepada usahawan Bumiputera dalam memantapkan pengetahuan dalam bidang perniagaan disamping mengembang dan mempelbagaikan produk perniagaan.

3. Sehubungan dengan itu GABEM dengan sukacitanya ingin menjemput Y.Bhg Tan Sri/ Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk menyertai program ini dan menghantar sekurang-kurangnya 3 wakil Persatuan. Butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 9 April 2011 (Sabtu)
Tempat : Le Paris Hotel & Costa Rica Apartments
No. 325, Batu 1, Jalan Rumah Rehat
P.O. Box 128, 71000 Port Dickson
Negeri Sembilan
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

4. Sukacita sekiranya YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/ tuan/puan dapat membuat pengesahan kehadiran dengan mengisi borang yang terlampir dan dikembalikan melalui faks ke nombor 03-2161 0606 supaya sampai di GABEM tidak lewat dari 5 April 2011 (Selasa). Segala kerjasama YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/ tuan/puan untuk menyertai program ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,
GAGASAN BADAN EKONOMI MELAYU

DATO' RAMLAN OTHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif, GABEM

Seniua Shi
Perutusan
Datuk Dr. Hj. Azami Bin Hj. Said
Presiden
Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan &
Makmal Bumiputera Malaysia (PERUTAMA)
31/3/2011

SURAT JAWAPAN PENGESAHAN KEHADIRAN PROGRAM
PENERANGAN PEBIAYAAN PERNIAGAAN (4P)

Ketua Pegawai Eksekutif

Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)

Suite 28-01, Wisma UOA II

21, Jalan Pinang

50450 Kuala Lumpur

Fax : (603) 2161 0606

Tuan,

JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM PENERANGAN PEMBIAYAAN
PERNIAGAAN (4P)

Merujuk kepada surat jemputan GABEM untuk menghadiri Program Penerangan
Pembiayaan Perniagaan (4P), bahawasanya saya:

- ☐ Akan menghadiri program tersebut.
- ☐ Tidak dapat hadir untuk program tersebut.
- ☐ Saya akan mewakili:-

Nama Wakil & Jawatan/ Organisasi

1.
2.
3.

Sekian, terima kasih.

ATURCARA
PROGRAM PENERANGAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN DI PORT
DICKSON, NEGERI SEMBILAN

- 8.00 pagi Pendaftaran/ Minum pagi
- 9.00 pagi Bacaan Doa
 Nyanyian Lagu Negaraku
- 9.10 pagi Ucapan perasmian oleh YB Dato' Yunus Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan & Koperasi merangkap Pengerusi Majlis GABEM Negeri, Negeri Sembilan
- 10.00 pagi Ucaptama oleh YBhg Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi GABEM
- 11.00 pagi **SESI 1**
 Moderator: YBhg Datuk Jasmil Hj Ghani, Pengurus Besar MPPB, GABEM
 Tajuk 1: **'Malaysia Trading House @ Dubai'**
 Pembentang: Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputera (PPIPB)
 Tajuk 2: **Peluang Pemasaran Bersama DUID**
 Pembentang: Dewan Usahawan Industri Desa (DUID)
 Sesi soal jawab
- 12.00 tgh **SESI 2: Taklimat peluang-peluang perniagaan**
 Moderator: Wakil MGN Negeri Sembilan/GABEM
 Pembentang
 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
 - Jabatan Pertanian Negeri Sembilan
 Sesi soal jawab
- 1.00 tgh Makan tengah hari
- 2.30 ptg **SESI 3: Taklimat peluang-peluang pembiayaan**
 Moderator: Encik Nor Rashid Ismail, Pengurus Besar (Pemuaafakatan), GABEM
 Pembentang
 - SME Bank
 - Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - SME Corp
 - Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
 Sesi soal jawab
- 5.00ptg Minum petang/ bersurai